

Artikel

Analisis Faktor Penerokaan Terhadap Halangan dan Efikasi Kendiri Guru Lelaki dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak: Kajian Rintis di Malaysia

(Exploratory Factor Analysis of Barriers and Self-Efficacy among Male Teachers in Early Childhood Education: A Pilot Study in Malaysia)

Azali Jumaren^{1*}, Madhyazhagan Ganesan¹ & Mariani Md Nor²

¹Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

²Fakulti Pendidikan, Bahasa, Psikologi dan Muzik (FoELPM), Universiti SEGi,
47810 Kota Damansara, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: azalijumaren@gmail.com

Diserah: 20 May 2025

Diterima: 01 Ogos 2025

Abstrak: Kajian ini merupakan kajian rintis bertujuan untuk mengenal pasti struktur faktor yang mendasari halangan gender dan efikasi sendiri dalam kalangan guru lelaki prasekolah di Malaysia. Isu kekurangan penyertaan guru lelaki dalam pendidikan awal kanak-kanak sering dikaitkan dengan stereotaip sosial, norma budaya, dan tekanan maskuliniti yang boleh menjejaskan keyakinan profesional mereka. Seramai 100 orang guru lelaki prasekolah telah terlibat dalam kajian rintis ini melalui penggunaan dua instrumen yang telah diadaptasi dan disahkan kandungannya, iaitu *Male Primary Teacher Gender Challenge Inventory (MPTGCI)* dan *Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES)* versi pendek. Data dianalisis menggunakan kaedah *Exploratory Factor Analysis (EFA)* dengan pendekatan *Principal Component Analysis* dan putaran varimax. Dapatan menunjukkan bahawa konstruk halangan guru terdiri daripada dua faktor utama, manakala efikasi sendiri terbentuk melalui tiga dimensi iaitu pengurusan bilik darjah, penglibatan murid, dan strategi pengajaran. Kesemua konstruk mencatat nilai *Cronbach's alpha* melebihi 0.80, menandakan kebolehpercayaan dalaman yang tinggi. Kajian ini mengukuhkan keperluan penyesuaian instrumen psikometrik berdasarkan konteks budaya tempatan dan menyarankan supaya analisis lanjut seperti *Confirmatory Factor Analysis (CFA)* dijalankan bagi mengesahkan model yang diperoleh. Implikasinya, kajian ini menyediakan asas empirikal untuk memahami cabaran serta kekuatan guru lelaki dalam pendidikan awal, seterusnya menyokong dasar pengambilan dan latihan yang lebih bersifat inklusif.

Kata Kunci: Guru lelaki; pendidikan awal; halangan gender; efikasi sendiri; analisis faktor

Abstract: This pilot study aims to identify the factor structure underlying gender-related barriers and self-efficacy among male preschool teachers in Malaysia. The underrepresentation of male teachers in early childhood education is often associated with social stereotypes, cultural norms, and masculinity pressures, which can negatively affect their professional confidence. A total of 100 male preschool teachers participated in this pilot study using two adapted and content-validated instruments: the Male Primary Teacher Gender Challenge Inventory (MPTGCI) and the short version of the Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES). Data were analyzed using Exploratory Factor Analysis (EFA) with Principal Component Analysis and varimax rotation. The findings revealed that the gender barrier construct comprised two main factors, while self-efficacy was represented by three dimensions: classroom management, student engagement, and instructional

strategies. All constructs recorded Cronbach's alpha values exceeding 0.80, indicating high internal reliability. This study highlights the importance of culturally contextualized psychometric adaptation and recommends further validation through Confirmatory Factor Analysis (CFA). The findings offer an empirical foundation for understanding the challenges and strengths of male teachers in early childhood education and support the development of more inclusive recruitment and training policies.

Keywords: Male teachers; early childhood education; gender barriers; self-efficacy; factor analysis

Pengenalan

Pendidikan awal memainkan peranan asas dalam pembangunan holistik kanak-kanak. Keberkesanannya bergantung kepada guru yang cekap, beretika dan memiliki efikasi sendiri tinggi dalam melaksanakan kurikulum serta menyokong perkembangan emosi dan sosial murid (Abd Aziz & Mohamed, 2021; Tschannen-Moran & Woolfolk Hoy, 2001). Dalam konteks ini, kehadiran guru lelaki mampu memperkaya pendekatan pedagogi serta menyediakan model peranan seimbang dari segi gender (Rodger et al., 2024; Bonnett & Wade, 2023; Huber & Traxl, 2017). Mereka juga menyumbang kepada dinamika pasukan pengajar pelbagai, meningkatkan penglibatan bapa (Rohrmann, 2019), serta memainkan peranan dalam membentuk suasana bilik darjah (Reich-Shapiro et al., 2020; Thorpe et al., 2018).

Namun statistik menunjukkan penyertaan lelaki dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) masih rendah di pelbagai peringkat seperti United Kingdom (3%), Amerika Syarikat (3%), China, (2%), Australia 3.9% (U.S. Bureau of Labor Statistics, 2019; Yang & McNair, 2020; Social Research Centre, 2022), Norway (10%) dan Sweden (5%) (Hedlin & Åberg, 2013; Heikkilä & Hellman, 2016). Malaysia mencatatkan angka yang sedikit lebih tinggi, iaitu 10.3% (KPM, 2024). Kekangan ini berpunca daripada pelbagai faktor termasuk stereotaip sosial, tekanan maskuliniti, persepsi rakan sejawat serta kebimbangan ibu bapa terhadap peranan dan kesesuaian guru lelaki (Moosa & Bhana, 2023; Ahmad et al., 2017; McDonald et al., 2024; Sak et al., 2018; Rentzou, 2011). Ketidakselarasan antara sistem, budaya dan jangkaan sosial turut menyumbang kepada isu ini (Peeters et al., 2015; Zhang, 2017).

Walau bagaimanapun, dalam konteks Malaysia, isu ini dikesan di peringkat pendidikan tinggi apabila pelajar lelaki PAKK menunjukkan motivasi altruistik dan intrinsik, meskipun berhadapan dengan cabaran sosial dan sokongan yang terhad (Tengku Mohd Khairi et al., 2021). Lebih membimbangkan, profesion PAKK masih berada dalam kerangka bias gender, sekali gus menjejaskan pembangunan profesionalisme secara inklusif (Peeters, 2013; Wohlgemuth, 2015). Namun begitu, dalam masyarakat berteraskan nilai budaya dan Islam terutamanya di Malaysia, profesion guru bukan sahaja menuntut kecekapan, malah keunggulan akhlak dan integriti moral (Zakaria & Ismail, 2023; Saidin et al., 2016). Konsep ini selari dengan pandangan Ibn Khaldun yang menekankan peranan guru sebagai pembina tamadun dan penjana nilai masyarakat (Azizan et al., 2025; Mudzakkir & Sakka, 2024).

Justeru itu, UNESCO dan UNICEF (2024) menekankan pelaburan dalam PAKK merupakan strategi berkesan untuk menyokong keterangkuman sosial dan mencapai matlamat pembangunan mampan. Hal ini selari dengan aspirasi pendidikan nasional yang digariskan dalam Kurikulum Persekolahan 2027 dan Pelan Strategik KPM 2024–2030 (KPM, 2023;2024). Oleh itu, keperluan mengkaji secara empirik faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan guru lelaki, khususnya dari aspek halangan gender dan efikasi sendiri, penting bagi menyokong dasar pendidikan yang inklusif. Namun begitu, masih terdapat jurang dalam kajian tempatan, khususnya yang menilai secara empirik dan psikometrik.

Oleh itu, kajian bertujuan mengkaji halangan dan efikasi sendiri guru lelaki prasekolah. Kajian mengadaptasi dua instrumen iaitu instrumen halangan gender dan efikasi sendiri guru yang disesuaikan mengikut konteks tempatan. Penggunaan instrumen yang sah dan boleh dipercayai adalah penting kerana setiap konstruk perlu melalui proses analisis faktor dan penilaian kebolehpercayaan secara sistematik (Cozby, 2009; Creswell & Creswell, 2018; Darusalam & Hussin, 2018; Awang et al., 2018). Justeru, kajian bertujuan untuk mengenal pasti aspek tersebut dalam kalangan guru lelaki prasekolah, serta menilai kesahan dan

kebolehpercayaan instrumen yang digunakan melalui pendekatan indeks kesahan kandungan dan analisis faktor penerokaan.

Sorotan Literatur

Kajian-kajian lepas telah memberikan pelbagai perspektif mengenai isu penglibatan guru lelaki dalam PAKK, terutamanya berkaitan cabaran gender dan keyakinan profesional. Kajian terhadap halangan dan efikasi sendiri ini penting bagi memahami dinamika sosial serta struktur institusi yang mempengaruhi penyertaan lelaki dalam profesion PAKK.

1. Halangan Guru Lelaki PAKK

Kajian lepas menunjukkan halangan guru lelaki PAKK adalah berkaitan isu gender. Halangan ini adalah halangan pembinaan sosial yang menjejaskan individu berdasarkan jantina mereka merangkumi kekangan institusi, sosial dan ekonomi yang menyekat penyertaan penuh dalam sistem pendidikan atau kerjaya (Chiplunkar & Kleineberg, 2023). Dari perspektif teori kerjaya, halangan ini sebagai unsur persekitaran negatif yang mengurangkan efikasi sendiri serta membantutkan pembangunan profesional (Lent et al., 2000). Halangan ini terdiri daripada faktor dalaman dan luaran seperti stereotaip budaya, norma struktur dan kekurangan sokongan sosial (Domínguez et al., 2022). Dalam konteks bidang yang didominasi jantina tertentu, halangan gender merujuk kepada bias sosial yang menyekat kemajuan individu walaupun mereka memiliki keupayaan (Santos et al., 2020). Dalam PAKK, halangan ini merangkumi persepsi negatif terhadap kesesuaian lelaki sebagai pendidik, tekanan maskuliniti, serta pengasingan sosial akibat norma dan struktur organisasi (Cruickshank et al., 2018; McDonald et al., 2024).

Guru lelaki sering berdepan cabaran berkaitan persepsi sosial dan jangkaan masyarakat. Kebimbangan terhadap sentuhan fizikal, stereotaip, serta tekanan untuk mempamerkan sifat maskulin mendorong strategi penyesuaian seperti menjauhkan diri, berjenaka secara profesional atau mengelak situasi tertentu (Cruickshank, 2014; Cruickshank et al., 2018). Bagi mengkaji isu ini terutamanya dalam kerjaya bidang bukan tradisi, kajian terdahulu menyarankan agar pemahaman yang lebih mendalam berdasarkan pendekatan seperti *Social Cognitive Career Theory* (SCCT) yang menghubungkan antara efikasi sendiri, hasil jangkaan dan sokongan persekitaran (Byars-Winston & Rogers, 2019; Inda et al., 2013; Miranda et al., 2025).

Jadual 1. Item dalam instrumen male primary teacher gender challenge inventory (MPTGCI)

Item	Keterangan
<i>Contact</i>	Ketidakpastian berkaitan sentuhan fizikal dengan murid.
<i>Role Model</i>	Ketidakpastian terhadap jangkaan sebagai model peranan guru lelaki.
<i>Family</i>	Penolakan atau ketidakgalakan daripada ahli keluarga.
<i>Friends</i>	Pandangan negatif daripada rakan-rakan terhadap pilihan kerjaya.
<i>Media</i>	Persepsi stereotaip terhadap guru lelaki dalam masyarakat/media.
<i>Sexuality</i>	Kebimbangan bahawa orientasi seksual akan dipersoalkan.
<i>Salary</i>	Kekecewaan terhadap gaji guru dari perspektif maskulin.
<i>Isolation</i>	Rasa terpinggir dalam persekitaran sekolah didominasi wanita.
<i>Workload</i>	Bebanan kerja tambahan akibat jangkaan peranan lelaki seperti sukan dan disiplin.

Kajian tempatan juga menunjukkan corak cabaran yang serupa. Tengku Mohd Khairi et al. (2021) mendapati bahawa pelajar lelaki dalam program PAKK dipandu oleh motivasi intrinsik dan altruistik, namun menghadapi halangan stigma sosial dan kekurangan pengiktirafan kerjaya. Zubairi et al. (2015) dan Mohd Majzub (2013) pula menyatakan bahawa guru lelaki sering dilihat dikecualikan dalam PAKK serta tidak dilindungi oleh dasar yang menyokong keterangkuman jantina. Bukan itu sahaja, fenomena ini turut wujud dalam bidang lain seperti bidang kejururawatan, di mana pelajar lelaki berdepan dilema etika dan diskriminasi budaya dalam persekitaran kerja didominasi wanita (Hardan et al., 2025; Ross, 2017; Vatandost et al., 2020).

Ini mengukuhkan hujah bahawa halangan gender terhadap lelaki adalah isu struktur merentas bidang dan budaya.

Bagi menilai cabaran ini secara empirikal, kajian ini mengadaptasi instrumen *Male Primary Teacher Gender Challenge Inventory* (MPTGCI) yang dibangunkan oleh Cruickshank et al. (2018) terdiri daripada sembilan item utama merangkumi aspek seperti dalam jadual 1. Instrumen ini telah disahkan dalam konteks asal oleh Cruickshank et al. (2018) melalui analisis deskriptif, nilai kebolehpercayaan (*Cronbach's alpha*), dan pemodelan Rasch. Kajian tersebut melibatkan 175 orang guru lelaki sekolah rendah di Tasmania, Australia, dan menghasilkan nilai *Cronbach's alpha* sebanyak 0.82, yang mencerminkan tahap kebolehpercayaan dalaman yang tinggi. Berdasarkan garis panduan oleh Awang et al. (2018), nilai melebihi 0.70 dianggap memadai untuk menunjukkan konsistensi dalaman yang baik dalam kajian sosial. Justeru, MPTGCI ini disokong secara empirikal dan sesuai untuk diadaptasi serta diuji dalam konteks tempatan

2. Efikasi Kendiri Guru

Efikasi sendiri ialah kepercayaan individu terhadap keupayaan mereka melaksanakan tindakan yang berkesan (Bandura, 2006). Dalam pendidikan, efikasi merangkumi keyakinan guru dalam mengurus bilik darjah, menyampaikan pengajaran berkesan, dan mempengaruhi pelajar (Dasan & Mohamed Nawi, 2020; Gordon et al., 2023; Tschannen-Moran & Woolfolk Hoy, 2001; Shamsudin & Abd Majid, 2018). Oleh itu, aspek ini penting dalam PAKK kerana guru membentuk perkembangan holistik murid melalui persekitaran yang menyokong dan inklusif. Berdasarkan teori sosial kognitif, efikasi sendiri terbina melalui interaksi antara pengalaman dalaman dan pengaruh sosial (Lent & Brown, 2006). Guru lelaki dengan efikasi yang tinggi, mampu menyesuaikan diri terhadap tekanan stereotaip gender dalam bidang yang sering dikaitkan dengan wanita (Gordon et al., 2023; Sullivan et al., 2020; Zhang et al., 2023). Kajian oleh Sak (2015) menunjukkan guru pelatih lelaki memiliki efikasi lebih rendah berbanding wanita, khususnya dalam pengurusan kelas dan hubungan murid, menunjukkan pengaruh struktur sosial terhadap persepsi sendiri. Bagi memahami efikasi sendiri guru lelaki secara terperinci, kajian mengadaptasi model Tschannen-Moran dan Woolfolk Hoy (2001) yang merangkumi tiga dimensi seperti dalam jadual 2. Penyesuaian instrumen dibuat bagi memastikan kesesuaian konteks dengan guru lelaki PAKK.

Jadual 2. Dimensi efikasi sendiri guru

Dimensi Efikasi	Definisi
Pengurusan Bilik Darjah	Mengawal tingkah laku pelajar dan mewujudkan suasana pembelajaran yang positif
Penglibatan Pelajar	Menarik minat dan melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran.
Strategi Pengajaran	Merancang dan melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan mengikut keperluan pelajar.

Instrumen TSES telah digunakan secara meluas dan disahkan dalam pelbagai konteks pendidikan. Hazman dan Mariani (2013) melaporkan nilai *Cronbach's alpha* sebanyak .82 dalam kalangan guru lelaki prasekolah di Malaysia. Kajian oleh Ong dan Faridah (2022) pula mencatatkan nilai $\alpha = .90$ dalam kalangan guru sekolah rendah. Sokongan terhadap kebolehpercayaan dan kesahan ini turut dikukuhkan oleh kajian tempatan lain (Liang & Tai, 2024; Lok et al., 2022; Mulok & Yunus, 2020), di mana semua menunjukkan nilai reliabiliti melebihi .70, selaras dengan saranan oleh Awang et al. (2018). Tambahan pula, dapatan antarabangsa turut menyokong struktur tiga faktor TSES. Kajian oleh Semegn (2025) dalam kalangan pensyarah di Ethiopia menunjukkan tiga faktor yang menyumbang 64.79% varians, dengan nilai KMO .938 dan Bartlett's Test yang signifikan, manakala kajian oleh Emiru dan Gedifew (2024) mencatat struktur yang sama dengan 72.05% varian dijelaskan dalam kalangan guru sekolah menengah. Van Thong Ho et al. (2023) di Vietnam turut mengesahkan tiga faktor tersebut dalam populasi tempatan dengan jumlah varian 59.25%.

Namun, beberapa kajian mencadangkan struktur alternatif. Hamzah dan Ishak (2021), contohnya, mencadangkan model dua faktor setelah beberapa item menunjukkan muatan silang dalam EFA. Dua dimensi yang diperoleh ialah penglibatan murid dan pengurusan bilik darjah, yang menjelaskan 78.45% varian. Ini menunjukkan struktur efikasi sendiri boleh berubah bergantung kepada konteks budaya, tahap pendidikan dan

populasi guru. Menurut Gordon et al. (2023), efikasi sendiri bukan sekadar ciri peribadi tetapi turut dibentuk oleh persekitaran kerja termasuk pengalaman profesional, sokongan rakan sejawat, pembangunan profesional, serta dasar organisasi. Tekanan kerja dan perubahan kurikulum juga boleh menjejaskan efikasi.

Setakat ini, tiada kajian empirik tempatan yang secara serentak menilai konstruk halangan gender dan efikasi sendiri dalam kalangan guru lelaki prasekolah melalui pendekatan psikometrik. Kajian sedia ada cenderung menumpukan kepada satu aspek sahaja, sama ada halangan jantina (Tengku Mohd Khairi et al., 2021; Zubairi et al., 2015) atau efikasi sendiri guru (Hazman & Mariani, 2013; Liang & Tai, 2024), tanpa menggabungkan kedua-duanya dalam satu kerangka yang komprehensif. Oleh itu, kajian bertujuan mengisi jurang tersebut dengan membangunkan instrumen yang menilai kedua-dua konstruk secara serentak berdasarkan konteks tempatan.

Metodologi

Kajian dijalankan bagi membina kefahaman mendalam mengenai konstruk halangan dan efikasi sendiri dalam kalangan guru lelaki prasekolah. Pendekatan kuantitatif digunakan kerana ia membolehkan pengukuran objektif terhadap pembolehubah psikologi melalui analisis statistik yang sistematik.

1. Reka Bentuk Kajian

Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif bagi menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Reka bentuk dipilih kerana sesuai untuk mengukur konstruk secara objektif melalui analisis statistik (Creswell & Creswell, 2018; Darusalam & Hussin, 2018).

2. Populasi dan Sampel Kajian

Kajian merupakan kajian rintis melibatkan 100 orang guru lelaki prasekolah KPM dari pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia sebagai responden. Pemilihan sampel secara persampelan bertujuan bagi memastikan hanya individu yang memenuhi kriteria penyelidikan terlibat. Responden dikenal pasti dan dihubungi melalui saluran rasmi seperti pentadbiran sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), dengan permohonan kebenaran dilakukan sebelum pengedaran borang soal selidik secara dalam talian.

Penentuan saiz sampel berpandukan saranan pengkaji terdahulu dalam konteks kajian rintis dan analisis faktor penerokaan (EFA). Chua (2014) menyatakan bahawa saiz sekitar 100 responden adalah mencukupi untuk kajian rintis, manakala Emory dan Cooper (1991) mencadangkan antara 25 hingga 100 responden bagi tujuan penilaian awal instrumen. Bagi pelaksanaan EFA, Coakes et al. (2010) serta MacCallum et al. (1999) berpendapat bahawa sampel melebihi 100 orang sesuai digunakan, terutamanya apabila nilai communalities tinggi dan dimensi konstruk adalah terkawal. Sehubungan itu, jumlah 100 responden dalam kajian ini adalah mencukupi dan wajar bagi tujuan menilai kesahan konstruk secara eksploratori terhadap instrumen yang dibangunkan.

3. Instrumen Kajian

Konstruk Halangan Guru Prasekolah Lelaki

Konstruk ini dinilai menggunakan MPTGCI mengandungi sembilan item mewakili halangan gender iaitu *Contact*, *Role Model*, *Family*, *Friends*, *Media*, *Sexuality*, *Salary*, *Isolation*, dan *Workload* yang dilabelkan HLG1 hingga HLG9. Setiap item dinilai menggunakan skala persetujuan 7 mata (Vagias, 2006) (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 7 = Sangat Setuju). Nilai *Cronbach's alpha* = 0.82 dalam kajian asal menunjukkan kebolehpercayaan dalaman yang baik (Awang et al., 2018).

Instrumen ini telah diadaptasi secara sah setelah mendapat kebenaran pembina asal (Cruickshank et al., 2018). Proses *back translation* dijalankan oleh dua orang pakar dwibahasa berpengalaman dalam bidang pendidikan dan psikometrik, mengikut garis panduan Sousa dan Rojjanasrirat (2011) yang menekankan kesetaraan semantik dan konseptual. Terjemahan dan semakan semula dilakukan secara bebas sebelum digabungkan untuk memastikan kesesuaian konteks tempatan. Jadual 3 merupakan item-item bagi konstruk ini.

Jadual 3. Item konstruk halangan guru prasekolah lelaki

Bil	Item	Label
1	Saya berasa bimbang melakukan sentuhan fizikal dengan murid	HLG1
2	Saya menghadapi kesukaran untuk menjadi suri teladan (<i>role model</i>) kepada murid-murid.	HLG2
3	Saya kurang menerima sokongan daripada ahli keluarga dalam kerjaya sebagai guru prasekolah.	HLG3
4	Saya kurang menerima sokongan daripada rakan-rakan dalam kerjaya sebagai guru prasekolah.	HLG4
5	Saya berhadapan dengan tanggapan yang negatif oleh masyarakat atau media terhadap guru prasekolah lelaki.	HLG5
6	Saya bimbang kerjaya ini boleh menimbulkan keraguan terhadap seksualiti saya.	HLG6
7	Saya merasakan gaji yang diterima tidak setimpal dengan beban tugas sebagai guru prasekolah.	HLG7
8	Saya berasa terasing dalam organisasi sekolah	HLG8
9	Saya dibebani dengan tugas tambahan yang lazimnya dikaitkan dengan peranan lelaki (seperti melatih pasukan sukan, menangani isu disiplin, atau kerja-kerja fizikal).	HLG9

Nota. Adaptasi daripada instrumen MPGCI

Konstruk Efikasi Kendiri Guru

Konstruk ini dinilai menggunakan instrumen TSES versi pendek terdiri 12 item dilabel EKG1 hingga EKG12 merangkumi tiga dimensi iaitu pengurusan bilik darjah, penglibatan murid, dan strategi pengajaran menggunakan skala persetujuan 7 mata (Vagias, 2006). Kajian lepas menunjukkan kebolehpercayaan dalaman yang tinggi (α antara 0.82 hingga 0.90), (Hazman & Mariani, 2013; Ong & Faridah, 2022). Instrumen turut digunakan dengan kebenaran rasmi daripada pembina asal diperoleh melalui email, dan disemak untuk kesesuaian konteks kajian dari segi istilah dan kefahaman budaya tempatan. Jadual 4 menunjukkan item tersebut.

Jadual 4. Item dalam konstruk efikasi sendiri guru

Bil	Item	Label
1	Saya boleh mengawal tingkah laku yang mengganggu di dalam bilik darjah	EKG1
2	Saya boleh memberikan motivasi kepada murid yang menunjukkan minat yang rendah terhadap tugas sekolah.	EKG2
3	Saya boleh menenangkan murid yang mengganggu semasa proses pengajaran dan pembelajaran.	EKG3
4	Saya boleh membantu murid untuk menghargai kepentingan pembelajaran	EKG4
5	Saya boleh menghasilkan soalan yang berkualiti serta mencabar minda murid	EKG5
6	Saya boleh memastikan murid mematuhi peraturan yang telah ditetapkan di dalam bilik darjah	EKG6
7	Saya boleh meyakinkan murid untuk menyiapkan tugas mereka dengan bersungguh-sungguh	EKG7
8	Saya boleh menerapkan sistem pengurusan bilik darjah yang melibatkan penglibatan aktif daripada pelbagai kumpulan murid.	EKG8
9	Saya boleh menggunakan pelbagai strategi penilaian yang sesuai untuk menilai pembelajaran murid secara holistik.	EKG9
10	Saya boleh memberikan penjelasan alternatif dan contoh tambahan apabila murid menunjukkan kekeliruan terhadap sesuatu konsep	EKG10
11	Saya boleh bekerjasama dengan ibu bapa atau penjaga dalam usaha menyokong pembelajaran anak-anak mereka di sekolah.	EKG11
12	Saya boleh menggunakan pelbagai strategi pengajaran yang sesuai.	EKG12

Jadual 5. Pengelasan item dimensi efikasi sendiri guru

Dimensi	Label Dimensi	Label Item
Penglibatan Murid	EKPM	EKG2, EKG3, EKG4, EKG11
Strategi Pengajaran	EKSP	EKG5, EKG9, EKG10, EKG12
Pengurusan Kelas	EKPK	EKG1, EKG6, EKG7, EKG8

4. Kaedah Analisis Data

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) Versi 29.0. Analisis dijalankan dalam dua peringkat bagi menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan.

Kesahan Kandungan (Content Validity Index - CVI)

Kesahan kandungan merujuk kepada tahap kecukupan dan keterwakilan item dalam mengukur sesuatu konsep, di mana semakin banyak item mewakili domain konstruk, semakin tinggi tahap kesahannya (Sekaran & Bougie, 2016; Yusoff, 2019). Kesahan instrumen pula merujuk kepada keupayaan instrumen mengukur konstruk yang dimaksudkan dan membolehkan interpretasi skor yang tepat (Awang, 2010). Dalam kajian ini, dua orang pakar bidang menilai kesesuaian item yang diadaptasi, sejajar dengan saranan Davis (1992). Penilaian kesahan kandungan dilaksanakan menggunakan pendekatan *Content Validity Index (CVI)*, di mana pakar diberi borang semakan untuk menilai serta memberi cadangan penambahbaikan terhadap item yang kurang menepati kehendak konstruk.

Kesahan kandungan bagi kedua-dua instrumen, iaitu Halangan Guru Prasekolah Lelaki dan Efikasi Kendiri Guru, telah dinilai oleh tiga orang pakar dalam bidang psikologi pendidikan dan PAKK. Setiap pakar menilai item-item instrumen dari aspek kesesuaian, kejelasan dan kaitan dengan konstruk yang diukur menggunakan skala empat mata (4) tahap iaitu 1 (Sangat Tidak Relevan) hingga 4 (Sangat Relevan). Penentuan kesahan soal selidik dilakukan dengan mengira jumlah skor yang diberikan oleh pakar, dibahagikan dengan jumlah skor maksimum, dan didarab 100 bagi memperoleh nilai dalam bentuk peratusan (Sidek & Jamaludin, 2005) seperti dalam rajah 1. Menurut Davis (1992) kesahan kandungan dianggap tinggi sekiranya pekali kesahan mencapai 0.80 ke atas.

$$\text{Item Content Validation Index (I-CVI)} = \frac{\text{Jumlah skor setiap pakar}}{\text{Jumlah skor sebenar}}$$

$$\text{Indeks Kesahan Kandungan (CVI)} = \frac{\text{Jumlah I-CVI}}{\text{Bilangan pakar}}$$

Rajah 1. Indeks kesahan kandungan

Jadual 6 menunjukkan hasil dapatan nilai purata CVI dikira untuk setiap konstruk berdasarkan purata skor daripada ketiga-tiga pakar, semua pakar bersetuju untuk mengekalkan item bagi setiap konstruk. Nilai CVI kedua-dua konstruk melebihi nilai minimum 0.80, seperti yang disarankan oleh Davis (1992). Oleh itu, semua item dianggap mempunyai kesahan kandungan yang baik dan sesuai untuk digunakan dalam analisis seterusnya.

Jadual 6. Purata CVI konstruk

Konstruk	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Purata CVI
Halangan Gender	0.99	0.89	0.89	0.93
Efikasi Kendiri	0.92	0.83	0.92	0.89

Hasil Kajian

Menurut Hoque dan Awang (2016), sekiranya instrumen yang diadaptasi mengalami pengubahsuaian item, penyelidik disarankan menjalankan EFA kerana perbezaan konteks kajian boleh menyebabkan sesetengah item tidak lagi sesuai atau membentuk kombinasi faktor yang berbeza daripada kajian asal. Di samping itu,

nilai kebolehpercayaan dalaman seperti *Cronbach Alpha* juga mungkin berubah. Selaras dengan saranan ini, penyelidik melaksanakan semula EFA bagi menilai struktur faktor item dalam kajian ini.

Setelah instrumen melepasi saringan kesahan kandungan, data kemudiannya dianalisis menggunakan EFA bagi menilai kesahan konstruk secara statistik. Prosedur EFA dijalankan menggunakan kaedah *Principal Component Analysis* (PCA) dengan *Varimax Rotation*, untuk mengenal pasti dimensi yang terbentuk secara empirik. Syarat praanalisis dipenuhi terlebih dahulu Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) > 0.60 dan Bartlett's Test of Sphericity signifikan ($p < 0.05$). Item hanya dikekalkan jika menunjukkan *factor loading* ≥ 0.60 . Bilangan faktor ditentukan berdasarkan *eigen value* ≥ 1.0 , dan struktur faktor diterima apabila varian terkumpul sekurang-kurangnya 60%. (Awang 2010; Hoque & Awang, 2016).

1. Analisis EFA Konstruk Halangan Guru Prasekolah Lelaki

Konstruk halangan guru diukur menggunakan 9 item yang dilabelkan HLG1 hingga HLG9. Jadual 7 menunjukkan statistik deskriptif bagi sembilan item yang membentuk konstruk halangan guru prasekolah lelaki. Skor purata min (M) menunjukkan tahap persepsi guru lelaki prasekolah terhadap setiap halangan, manakala sisihan piawai (SD) mencerminkan variasi tindak balas antara responden.

Jadual 7. Analisis deskriptif konstruk halangan guru prasekolah lelaki

Item	M	SD	N
HLG1	2.61	1.54	100
HLG2	4.61	2.05	100
HLG3	6.05	1.45	100
HLG4	5.84	1.50	100
HLG5	5.51	1.73	100
HLG6	5.21	1.73	100
HLG7	5.88	1.37	100
HLG8	5.76	1.56	100
HLG9	4.41	1.83	100

Hasil dapatan menunjukkan item HLG1 hingga HLG9 mencatatkan skor purata dalam julat ($m = 2.61$ - $m = 6.05$), mencerminkan halangan yang paling dominan. Semua item mempunyai sisihan piawai antara 1.37 hingga 2.06, menandakan kepelbagaian sederhana dalam respon yang diberikan. Tiada nilai hilang direkodkan bagi semua item.

Seterusnya, prosedur EFA dilaksanakan ke atas 9 item yang mengukur konstruk ini menggunakan kaedah PCA dengan putaran varimax. Jadual 8, menunjukkan bahawa Ujian Bartlett adalah signifikan ($p < 0.05$), manakala nilai KMO bagi ukuran kecukupan pensampelan ialah 0.800, melebihi nilai ambang minimum 0.6 seperti disarankan oleh Awang et al. (2018) dan Hoque dan Awang (2016). Kedua-dua hasil ini menunjukkan data adalah sesuai untuk dianalisis melalui prosedur EFA yang seterusnya.

Jadual 8. Ujian kmo dan bartlett's test of sphericity konstruk halangan guru prasekolah lelaki

Ujian	Nilai
KMO	0.800
Bartlett's Test of Sphericity	
Approx. Chi-Square	508.189
df	36
p-value	< .001

Jumlah varians yang dijelaskan merupakan indikator penting untuk menentukan sejauh mana item-item yang dibina mampu mewakili konstruk kajian (Awang et al., 2018). Berdasarkan Jadual 9, konstruk halangan guru prasekolah lelaki diwakili oleh dua komponen. Komponen pertama menyumbang sebanyak

31.848%, manakala komponen kedua menyumbang 29.675% kepada varians. Secara keseluruhan, jumlah varians yang dijelaskan bagi konstruk ini ialah 61.569 %, yang dianggap memuaskan kerana melebihi nilai ambang minimum 60% seperti disarankan oleh Awang (2010) dan Hoque dan Awang (2016).

Jadual 9. Jumlah varians dijelaskan bagi konstruk halangan guru prasekolah lelaki

Komponen	Rotation Sums of Squared Loadings	% of Variance	Cumulative %
1	2.866	31.848	31.848
2	2.675	29.720	61.569

Dapatan jadual 9 menunjukkan konstruk Halangan guru prasekolah lelaki diukur oleh dua komponen. Jadual 10 pula menunjukkan taburan item untuk dua komponen yang mengukur konstruk tersebut. Item HLG3 hingga HLG6 mengukur komponen 1 manakala item HLG7 hingga HLG9 mengukur komponen 2. Kesemua item mempunyai nilai *factor loading* melebihi had minimum 0.6 kecuali item HLG 1 dan HLG 2 disingkirkan kerana mempunyai nilai *factor loading* yang rendah.

Jadual 10. *Rotated* component matrix konstruk halangan guru prasekolah lelaki

Item	Komponen 1	Komponen 2
HLG3	0.78	
HLG4	0.77	
HLG5	0.81	
HLG6	0.81	
HLG7		0.82
HLG8		0.84
HLG9		0.73

Oleh itu, dapatan EFA menunjukkan konstruk halangan guru prasekolah lelaki terdiri daripada dua komponen iaitu Halangan Struktural dan Halangan Sosial yang diukur oleh tujuh item, dengan semua item menunjukkan nilai pemberat faktor melebihi 0.60. Dua item (HLG1 dan HLG2) telah digugurkan kerana nilai *factor loading* yang rendah, iaitu kurang daripada 0.60 (Awang et al., 2018; Hoque dan Awang 2016; Kadri et al., 2021). Penamaan dua faktor utama iaitu *Halangan Struktural* dan *Halangan Sosial* seperti Jadual 11 adalah selari dengan pengelasan dalam SCCT (Lent et al., 2002), yang membahagikan halangan kepada faktor persekitaran bersifat stuktural atau kontekstual dan sosial budaya.

Jadual 11. Konstruk dua faktor halangan guru prasekolah lelaki

Komponen	Nama Faktor	Item
Komponen 1	Halangan Sosial	HLG3,HLG4, HLG5, HLG6
Komponen 2	Halangan Struktural	HLG7, HLG8, HLG9

2. Analisis EFA Konstruk Efikasi Kendiri Guru

Seterusnya, konstruk efikasi sendiri guru diukur menggunakan 12 item yang dilabelkan EKG1 hingga EKG12. Jadual 12 menunjukkan statistik deskriptif bagi 12 item yang membentuk konstruk efikasi sendiri guru dalam instrumen. Skor purata min menunjukkan tahap efikasi sendiri guru manakala sisihan piawai (SD) mencerminkan variasi tindak balas antara responden.

Jadual 12. Analisis deskriptif konstruk efikasi sendiri guru

Item	M	SD	N
EKG1	5.67	1.02	100
EKG2	5.91	0.91	100
EKG3	5.91	0.88	100
EKG4	6.03	0.86	100

Item	M	SD	N
EKG5	5.86	0.97	100
EKG6	5.84	0.90	100
EKG7	5.89	0.94	100
EKG8	5.78	1.05	100
EKG9	5.72	0.99	100
EKG10	5.90	0.92	100
EKG11	5.84	1.00	100
EKG12	5.76	1.01	100

Hasil dapatan menunjukkan item EKG1 hingga EKG12 mencatatkan skor purata dalam julat ($m = 5.67 - m = 6.03$), mencerminkan efikasi guru paling dominan menurut persepsi guru lelaki. Semua item mempunyai sisihan piawai antara 0.86 hingga 1.05, menandakan kepelbagaian sederhana dalam respon diberikan. Tiada nilai hilang direkodkan bagi semua item

Selain itu, prosedur EFA diteruskan ke atas 12 item konstruk efikasi sendiri guru menggunakan kaedah PCA dengan putaran varimax. Berdasarkan jadual 13, keputusan menunjukkan bahawa Ujian Bartlett adalah signifikan ($p < 0.05$), manakala nilai KMO bagi ukuran kecukupan pensampelan ialah 0.880, melebihi nilai ambang minimum 0.60 seperti disarankan oleh Awang (2010) dan Hoque dan Awang (2016). Kedua-dua hasil menunjukkan bahawa data adalah sesuai untuk dianalisis melalui prosedur EFA yang seterusnya.

Jadual 13. Ujian kmo dan bartlett's test of sphericity konstruk efikasi sendiri guru

Ujian	Jumlah
KMO	0.880
Bartlett's Test of Sphericity	
Approx. Chi-Square	834.803
df	66
p-value	< .001

Jumlah varians yang dijelaskan merupakan indikator penting menentukan sejauh mana item-item yang dibina mampu mewakili konstruk kajian. Berdasarkan jadual 14, konstruk ini diwakili tiga komponen. Komponen pertama menyumbang sebanyak 26.775%, manakala komponen kedua menyumbang 25.938 % dan komponen 3 menyumbang 22.298% varians. Secara keseluruhan, jumlah varians yang dijelaskan bagi konstruk ini ialah 75.011%, yang dianggap menepati kerana melebihi nilai ambang minimum 60% seperti yang disarankan oleh Awang (2010) dan Hoque dan Awang (2016).

Jadual 14. Jumlah varians konstruk efikasi sendiri guru

Komponen	Rotation Sums of Squared Loadings	% of Variance	Cumulative %
1	3.213	26.775	26.775
2	3.113	25.938	52.713
3	2.676	22.298	75.011

Dapatan jadual 15 menunjukkan efikasi sendiri guru diukur oleh tiga komponen. Jadual 14 menunjukkan taburan item untuk tiga komponen yang mengukur konstruk tersebut. Item EKG5, EKG9, EKG10 dan EKG12 mengukur komponen 1 manakala item EKG2, EKG3, EKG4 dan EKG11 mengukur komponen 2. Manakala item EKG1, EKG6, EKG7 dan EKG8 mengukur komponen 3. Kesemua item mempunyai nilai *factor loading* melebihi had minimum 0.6.

Jadual 15. Rotated component matrix konstruk efikasi sendiri guru

Item	Komponen 1	Komponen 2	Komponen 3
EKG1			0.67
EKG8			0.70
EKG7			0.82
EKG6			0.83
EKG11		0.67	
EKG2		0.81	
EKG3		0.83	
EKG4		0.86	
EKG10	0.75		
EKG5	0.78		
EKG9	0.79		
EKG12	0.82		

Oleh itu, hasil EFA menunjukkan bahawa konstruk terdiri daripada tiga komponen iaitu Strategi Pengajaran, Penglibatan Murid dan Pengurusan Kelas yang diukur dengan 12 item, di mana kesemua item mempunyai nilai pemberat faktor melebihi 0.60, menepati kriteria disarankan oleh Awang (2010) dan Hoque dan Awang (2016). Penamaan faktor berdasarkan model asal oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk Hoy (2001), yang membahagikan efikasi sendiri guru kepada tiga dimensi utama seperti ditunjukkan dalam jadual 16. Tema dalam setiap kumpulan item menunjukkan keselarasan yang tinggi dengan dimensi asal ini.

Jadual 16. Konstruk tiga faktor efikasi sendiri guru prasekolah lelaki

Faktor	Nama Faktor	Label Item
Komponen 1	Strategi Pengajaran (EKSP)	EKG5, EKG9, EKG10, EKG12
Komponen 2	Penglibatan Murid (EKPM)	EKG2, EKG3, EKG4, EKG11
Komponen 3	Pengurusan Kelas (EKPK)	EKG1, EKG6, EKG7, EKG8

3. Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan instrumen dikaji melalui nilai *Alpha Cronbach* bagi setiap konstruk yang terlibat. Nilai *Alpha Cronbach* melebihi 0.70 dianggap memuaskan dan menunjukkan tahap konsistensi dalaman yang baik (Awang et al., 2018; Nunnally & Bernstein, 1994). Dalam kajian ini, semua konstruk menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* yang melebihi tahap minimum yang diterima seperti dalam jadual 17, menandakan bahawa item-item dalam setiap konstruk mempunyai keseragaman dalaman yang tinggi serta boleh dipercayai untuk tujuan pengukuran dalam konteks kajian ini.

Jadual 17. Nilai Alpha Cronbach

Konstruk	Alpha Cronbach komponen	Alpha Cronbach Konstruk
Halangan Struktural	0.89	0.88
Halangan Sosial	0.80	
EKPK	0.83	
EKPM	0.88	0.91
EKSP	0.90	

Perbincangan

Dapatan kajian memberikan gambaran yang jelas tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan guru lelaki PAKK dari perspektif psikometrik. Penemuan ini mencerminkan keperluan untuk mempertimbangkan konteks budaya dan sosial dalam memahami halangan dan efikasi sendiri guru lelaki secara lebih menyeluruh serta implikasinya.

1. Halangan Guru Prasekolah Lelaki

Dapatan kajian menunjukkan bahawa halangan yang dihadapi dibahagikan kepada dua faktor, iaitu halangan sosial dan halangan struktural. Halangan Sosial merangkumi tanggapan negatif daripada keluarga, rakan sejawat, dan masyarakat terhadap kerjaya PAKK, termasuk stereotaip gender dan kurangnya sokongan sosial. Manakala halangan struktural merujuk kepada aspek berkaitan jangkaan dan keperluan struktur kerja, seperti beban tugas, peraturan institusi, dan kekangan peluang kenaikan pangkat. Pembahagian ini adalah selaras dengan teori SCCT (Lent et al., 2002), yang membezakan halangan berdasarkan konteks sosial dan persekitaran.

Penemuan ini sejajar dengan kajian Cruickshank et al. (2018), yang mendapati guru lelaki sering berhadapan dengan rasa tidak pasti untuk berinteraksi secara fizikal dengan murid, tekanan untuk menampilkan sikap maskulin, serta rasa terasing dalam persekitaran kerja yang dikuasai oleh wanita. Kajian tempatan oleh Tengku Mohd Khairi et al. (2021) dan Zubairi et al. (2015) turut menyatakan bahawa guru lelaki PAKK sering dianggap luar biasa, dan tidak selalu mendapat pengiktirafan yang sewajarnya daripada masyarakat.

Daripada sudut analisis faktor, hasil kajian menunjukkan bahawa item-item yang diadaptasi dalam instrumen MPTGCI lebih sesuai dibahagikan kepada dua kategori, berbanding struktur satu dimensi. Instrumen asal MPTGCI (Cruickshank et al., 2018), mengandungi konstruk halangan sebagai satu dimensi tunggal. Namun, hasil analisis dalam kajian menunjukkan bahawa dua dimensi yang lebih khusus iaitu halangan sosial dan halangan struktural didapati lebih sesuai bagi menggambarkan pengalaman guru lelaki prasekolah di Malaysia. Hal ini mencerminkan keunikan konteks budaya, termasuk pengaruh kuat nilai kekeluargaan dan dalam masyarakat yang pelbagai. Penemuan ini juga menunjukkan bahawa halangan gender bukan sekadar satu isu tunggal, tetapi merangkumi pelbagai aspek sosial dan struktur yang saling berkait. Perkara ini juga selaras dengan teori Kerjaya Sosial Kognitif (SCCT) oleh Lent et al. (2000), yang menjelaskan bahawa halangan kerjaya boleh berpunca daripada gabungan faktor dalaman, sosial, dan persekitaran.

2. Efikasi Kendiri Guru Lelaki Prasekolah

Analisis terhadap konstruk efikasi kendiri mendapati tiga faktor utama yang menyumbang kepada 75.01% jumlah varians iaitu efikasi strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah, dan penglibatan murid. Ketiga-tiga faktor ini selaras dengan struktur asal TSES oleh Tschannen-Moran & Woolfolk Hoy (2001), menandakan bahawa model ini kekal sah dalam konteks tempatan. Semua item menunjukkan pemberat faktor yang tinggi (>0.60), dan nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach melebihi 0.80 bagi setiap subskala, menandakan konsistensi dalaman yang tinggi.

Tambahan pula, penyesuaian tiga faktor TSES disokong oleh dapatan kajian antarabangsa seperti Semegn (2025), Emiru & Gedifew (2024), dan Van Thong Ho et al. (2023), menunjukkan bahawa struktur tiga faktor kekal konsisten merentas konteks budaya yang berbeza. Ini mengukuhkan lagi keabsahan model efikasi kendiri sebagai satu konstruk psikologi yang robust dan boleh diukur secara lintas budaya.

3. Implikasi Kajian

Dapatan kajian memberikan input penting kepada pengesahan instrumen psikometrik dalam konteks guru lelaki prasekolah. Adaptasi dan pengesahan instrumen MPTGCI dan TSES melalui EFA menunjukkan struktur konstruk sesuai dengan konteks budaya tempatan. Penyesuaian ini selari dengan garis panduan yang dicadangkan oleh Sousa dan Rojjanasrirat (2011), yang menekankan kepentingan adaptasi silang budaya dalam pengesahan instrumen. Penemuan turut menekankan keperluan untuk tidak mengambil struktur asal instrumen secara literal, tetapi menyesuaikan melalui kaedah statistik dan konteks budaya yang relevan. Ini sejajar dengan saranan Hoque dan Awang (2016) yang menekankan kepentingan kesahan konstruk dalam kajian rentas budaya. Justeru, kajian ini menambah nilai dari aspek pengesahan alat ukur psikometrik dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang masih terhad dalam konteks tempatan.

Selain itu, dapatan kajian ini juga memberikan input penting kepada penggubal dasar dan institusi pendidikan dalam usaha menarik dan mengekalkan penyertaan guru lelaki dalam PAKK. Halangan sosial yang dikenalpasti mencerminkan perlunya usaha memperkukuh imej profesion ini melalui promosi berterusan

mengenai kepentingan PAKK sebagai asas pembangunan modal insan negara. Pihak kementerian boleh memperluas inisiatif pengambilan guru lelaki dengan memposisikan PAKK sebagai satu bidang strategik yang menekankan pedagogi kontemporari, termasuk integrasi teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI), pendekatan STEM awal, dan pembelajaran berasaskan permainan digital (KPM, 2024; UNESCO, 2024). Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan daya tarikan kerjaya tetapi juga mencerminkan keperluan semasa dalam sistem pendidikan prasekolah yang dinamik dan berorientasikan masa depan. Dalam masa yang sama, halangan struktural yang dikenalpasti menyerlahkan keperluan untuk menyemak semula persekitaran kerja di institusi PAKK, termasuk kejelasan peranan, keseimbangan beban tugas, dan pelan pembangunan kerjaya yang inklusif. Langkah ini penting bagi mewujudkan persekitaran profesional yang kondusif dan menyokong kelangsungan kerjaya guru lelaki dalam sektor ini.

Sebagai tindak balas terhadap tahap efikasi sendiri guru lelaki, disarankan agar program latihan pembangunan profesional yang lebih inklusif diperkenalkan. Ini termasuklah modul pembinaan efikasi sendiri, pengurusan kelas inklusif, dan penggunaan pedagogi digital yang menyokong keterlibatan murid secara aktif. Amalan baik antarabangsa yang disarankan oleh OECD (2019) juga menekankan kepentingan mewujudkan sistem sokongan profesional bagi guru lelaki dalam pendidikan awal. Tambahan pula, pengambilan dan penempatan guru dalam PAKK boleh dirancang semula untuk memberi keutamaan kepada keseimbangan jantina, tanpa menjejaskan merit dan kompetensi. Pelan Strategik KPM 2024 hingga 2030 menggariskan keperluan untuk memperkukuh pendidikan prasekolah melalui pelaburan dalam sumber manusia berkualiti dan pedagogi inovatif (KPM, 2024). Maka, hasil kajian ini boleh dijadikan asas dalam menyokong justifikasi penggubalan dasar yang lebih kontekstual dan inklusif.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa instrumen yang dibangunkan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang bersesuaian untuk mengukur konstruk yang dikaji. Struktur faktor yang dikenalpasti melalui analisis faktor penerokaan memberikan asas yang kukuh untuk memahami dinamika efikasi sendiri dan halangan dalam kalangan guru lelaki. Implikasi utama kajian ini adalah sumbangan kepada pembangunan instrumen psikometrik yang sesuai dengan konteks pendidikan tempatan serta memberi panduan kepada pentadbir pendidikan dalam mengenal pasti faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru lelaki. Bagi kajian akan datang, disarankan pelaksanaan analisis faktor pengesahan (CFA) ke atas sampel yang lebih besar untuk memperkukuh kesahan konstruk instrumen. Kajian lanjutan juga boleh mempertimbangkan penggunaan pendekatan campuran (*mixed-methods*) untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap pengalaman dan persepsi guru lelaki dalam konteks pendidikan awal.

Penghargaan: Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya atas segala sokongan yang telah membantu menjayakan pelaksanaan kajian ini. Penghargaan turut ditujukan kepada semua peserta yang sudi meluangkan masa, berkongsi pandangan serta kepakaran dalam menyumbang kepada kejayaan kajian ini.

Kelulusan Etika: Reka bentuk kajian serta kaedah pengumpulan data telah mendapat kebenaran dan kelulusan rasmi daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Persetujuan termaklum diperoleh daripada semua subjek yang terlibat dalam kajian.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Abd Aziz, Z. A., & Mohamed, S. (2021). Persepsi guru prasekolah terhadap kualiti pengajaran pendidikan awal kanak-kanak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 572–580. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12951>
- Ahmad, J., Al-Zboon, E., Alkhawaldeh, M., & Al Khatib, A. J. (2018). Jordanian Mothers' and Female Preschool Teachers' Perceptions of Men Working in Preschools: *The Journal of Men's Studies*, 26(1), 77–91. <https://doi.org/10.1177/1060826517729507>
- Awang, Z. (2010). *Research methodology for business and social sciences*. Universiti Teknologi MARA
- Awang, Z. (2018). *A handbook on SEM: Structural equation modeling using AMOS graphics*. MPWS Rich Resources.
- Azizan, N. I., Ismail, N., Mohd Zin, S. M., Sani, K., & Abdul Halim, A. (2025). Konsep pendidikan Ibn Khaldun dan amalan pendidikan di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 12(1), 1–11. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v12i1.197>
- Bandura, A. (2006). Guide for constructing self-efficacy scales. In F. Pajares & T. Urdan (Eds.), *Self-efficacy beliefs of adolescents* (Vol. 5, pp. 307–337). Information Age Publishing.
- Bonnett, T. H., & Wade, C. E. (2023). Procuring gender-situated voices of male early childhood professionals in Canada. *International Journal of Early Childhood*, 55(2), 1–18. <https://doi.org/10.1007/s13158-022-00337-8>
- Chiplunkar, G., & Kleineberg, T. (2023). *Gender barriers, structural transformation, and economic development* (Policy Research Working Paper). World Bank Group. <https://thedocs.worldbank.org/en/doc/104d6eef6f4a30f25ad68d638e232fae0050022023/original/Gender-Barriers.pdf>
- Chua, Y. P. (2014). *Ujian regresi, analisis faktor dan analisis SEM*. McGraw-Hill Education (Malaysia).
- Cozby, P. C. (2009). *Methods in behavioral research* (10th ed.). McGraw-Hill.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Cruickshank, V., Pedersen, S., Hill, A., & Callingham, R. (2014). Construction and validation of a survey instrument to determine the gender-related challenges faced by pre-service male primary teachers. *International Journal of Research & Method in Education*, 38(3), 272–287. <https://doi.org/10.1080/1743727X.2014.914165>
- Cruickshank, V., Pedersen, S., Cooley, D., & Hill, A. (2018). Towards a measure of gender-related challenges faced by male primary teachers. *Australian Journal of Education*, 62(1), 1–13. <https://doi.org/10.1177/0004944117751440>
- Cruickshank, V. (2018). The challenges faced by male primary teachers: Matching method, paradigm, theories and findings. In S. Garvis & R. Harwood (Eds.), *Men, masculinities and teaching in early childhood education* (pp. 83–96). Springer. https://doi.org/10.1007/978-981-13-0511-5_5
- Darusalam, G., & Hussin, S. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Dasan, N., & Mohamed Nawi, M. M. R. (2020). Hubungan efikasi sendiri guru dengan prestasi kerja dalam kalangan guru Maktab Rendah Sains MARA (MRSMS). *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(4).
- Davis, L. L. (1992). Instrument review: Getting the most from a panel of experts. *Applied Nursing Research*, 5(4), 194–197. [https://doi.org/10.1016/S0897-1897\(05\)80008-4](https://doi.org/10.1016/S0897-1897(05)80008-4)
- Domínguez, D. G., Cheng, H. L., & De La Rue, L. (2022). Career Barriers and Coping Efficacy with International Students in Counseling Psychology Programs. *The Counseling Psychologist*, 50(6), 780–812. <https://doi.org/10.1177/00110000221097358>
- Emiru, E. K., & Gedifew, M. T. (2024). The effect of teacher self-efficacy on learning engagement of secondary school students. *Cogent Education*, 11(1), Article 2308432. <https://doi.org/10.1080/2331186X.2024.2308432>
- Emory, C. W., & Cooper, D. R. (1991). *Business research methods* (4th ed.). Irwin.

- Gordon, D., Blundell, C., & Mills, R. (2023). Teacher self-efficacy and reform: A systematic literature review. *Australian Educational Researcher*, 50, 801–821. <https://doi.org/10.1007/s13384-022-00526-3>
- Hardan, Y., Al Sawafi, A., Al Abri, S., Al Mawaali, I., & Al Siyabi, W. S. (2025). Navigating the path less taken: Exploring the experiences and challenges of undergraduate male nursing students in Oman. *Journal of Professional Nursing*, 59, 1–9. <https://doi.org/10.1016/j.profnurs.2025.04.008>
- Hamzah, M. K. N., & Ishak, R. (2021). Analisis penerokaan faktor (EFA) kepimpinan berpusatkan pembelajaran, komuniti pembelajaran profesional dan efikasi sendiri guru. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(4), 65–77.
- Hazman, A., & Mariani, M. N. (2013). Guru lelaki prasekolah sebagai inovasi dalam pengajaran pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. *National Seminar Proceedings Psychology*, 11, 20.
- Heikkilä, M., & Hellman, A. (2016). Male preschool teacher students negotiating masculinities: A qualitative study with men who are studying to become preschool teachers. *Early Child Development and Care*, 187(1), 1–13. <https://doi.org/10.1080/03004430.2016.1161614>
- Hedlin, M., & Åberg, M. (2013). The call for more male preschool teachers: Echoed and questioned by Swedish student teachers. *Early Child Development and Care*, 183(1), 149–162. <https://doi.org/10.1080/03004430.2012.660149>
- Ho, V. T., Tran, V. D., & Nguyen, V. D. (2023). Examining the factor structure of the teachers' sense of efficacy scale in the Vietnamese educational context. *International Journal of Education and Practice*, 11(1), 47–58. <https://doi.org/10.18488/61.v11i1.3257>
- Hoque, A. S. M. M., & Awang, Z. (2016). The Exploratory Factor Analysis (EFA) of Entrepreneurial Marketing Scale—Development and Validation. *Tourism Conference, Terengganu*, 20-22 April 2016, 22.
- Huber, J., & Traxl, B. (2018). Pedagogical differences and similarities between male and female educators, and their impact on boys' and girls' behaviour in early childhood education and care institutions in Austria. *Research Papers in Education*, 33(4), 452–471. <https://doi.org/10.1080/02671522.2017.1353674>
- Kadri, K., Mansor, A. N., & Nor, M. Y. M. (2021). Principal and teacher leadership competencies and 21st century teacher learning and facilitating practices: Instrument development and demographic analysis. *Creative Education*, 12, 2196–2215. <https://doi.org/10.4236/ce.2021.129168>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). *Pelan Strategik KPM 2024–2030*. <https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Bahagian%20dan%20Unit/Bahagian%20Perancangan%20Strategik%20Dan%20Hubungan%20Antarabangsa/Pelan%20Strategik%20KPM%202024-2030.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). *Kurikulum Persekolahan 2027*. https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/images/KPM/UKK/2023/12_Dis/Kurikulum%20Persekolahan%202027%20Terkini.pdf?t=1704163931
- Liang, F. S., & Tai, M. K. (2024). Efikasi sendiri guru di sekolah menengah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6(40). <https://gaexcellence.com/ijepc/article/view/3276>
- Lent, R. W., Brown, S. D., & Hackett, G. (2000). Contextual supports and barriers to career choice: A social cognitive analysis. *Journal of Counseling Psychology*, 47(1), 36–49. <https://doi.org/10.1037/0022-0167.47.1.36>
- Lent, R. W., & Brown, S. D. (2006). On conceptualizing and assessing social cognitive constructs in career research: A measurement guide. *Journal of Career Assessment*, 14(1), 12–35. <https://doi.org/10.1177/1069072705281364>
- Lok, S. Y., Rahman, S., & Surat, S. (2022). Kompetensi peribadi dan efikasi sendiri dalam kalangan guru sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(6), Article e001529. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1529>
- MacCallum, R. C., Widaman, K. F., Zhang, S., & Hong, S. (1999). Sample size in factor analysis. *Psychological Methods*, 4(1), 84–99.

- Moosa, S., & Bhana, D. (2023). Men who teach early childhood education: Mediating masculinity, authority and sexuality. *Teaching and Teacher Education*, 122, 103959. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2022.103959>
- McDonald, P., Coles, L., & Thorpe, K. (2024). How women educators frame the scarcity of men in early childhood education and care. *Gender and Education*, 36(5), 510–526. <https://doi.org/10.1080/09540253.2024.2357825>
- Mudzakkir, A., Sakka, A. R., & Ismail, L. O. (2024). Penghormatan kepada guru dalam perspektif Islam: Kaitannya dengan motivasi belajar dan efektivitas pembelajaran. *Journal of Social and Scientific Education*, 1(2), 89–99. <https://doi.org/10.58230/josse.v1i2.285>
- Mulok, J. L., & Yunus, F. (2020). Efikasi sendiri guru prasekolah dalam mengajar Bahasa Inggeris. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 187–195. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/10331>
- Mohd Majzub, R. (2013). Critical issues in preschool education in Malaysia. In *Proceedings of the WSEAS Conference on Education and Educational Technology (EET)*. <http://www.wseas.us/e-library/conferences/2013/CambridgeUSA/EET/EET-26.pdf>
- OECD (2019). *Good Practice for Good Jobs in Early Childhood Education and Care*. OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/64562be6-en>.
- Ong, E. L., & Faridah, M. K. (2022). Peranan efikasi sendiri dan kemahiran teknologi digital guru sekolah rendah dalam memotivasikan pembelajaran murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3), Article e001374. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1374>
- Peeters, J. (2013). Towards a gender-neutral interpretation of professionalism in early childhood education and care (ECEC). *Revista Española de Educación Comparada*, 21(1), 119–144.
- Peeters, J., Rohrmann, T., & Emilsen, K. (2015). Gender balance in ECEC: Why is there so little progress? *European Early Childhood Education Research Journal*, 23(3), 302–314. <https://doi.org/10.1080/1350293X.2015.1043805>
- Reich-Shapiro, M., Cole, K., & Plaisir, J. Y. (2020). “I am the teacher”: How male educators conceptualize their impact on the early childhood classroom. *Journal of Early Childhood Teacher Education*, 42(4), 381–403. <https://doi.org/10.1080/10901027.2020.1754310>
- Rentzou, K. (2011). Greek parents’ perceptions of male early childhood educators. *Early Years*, 31(2), 135–147. <https://doi.org/10.1080/09575146.2010.530247>
- Rodger, N., Quinones, G., & Adams, M. (2024). The influence of family life on the pedagogical praxis of male teachers in early childhood education and care. *European Early Childhood Education Research Journal*, 33(3), 513–532. <https://doi.org/10.1080/1350293X.2024.2387565>
- Rohrmann, T. (2019). Men as promoters of change in ECEC? An international overview. *Early Years*, 39(1), 1–15. <https://doi.org/10.1080/09575146.2019.1626807>
- Ross, D. (2017). Challenges for men in a female dominated environment. *Links to Health and Social Care*, 2(1), 4–20.
- Thorpe, K., Sullivan, V., Jansen, E., McDonald, P., Sumsion, J., & Irvine, S. (2018). A man in the centre: Inclusion and contribution of male educators in early childhood education and care teaching teams. *Early Child Development and Care*, 190(1), 1–14. <https://doi.org/10.1080/03004430.2018.1501564>
- Tschannen-Moran, M., & Woolfolk Hoy, A. (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17(7), 783–805. [https://doi.org/10.1016/S0742-051X\(01\)00036-1](https://doi.org/10.1016/S0742-051X(01)00036-1)
- Sak, R. (2015). Comparison of self-efficacy between male and female pre-service early childhood teachers. *Early Child Development and Care*, 185(10), 1629–1640. <https://doi.org/10.1080/03004430.2015.1014353>
- Sak, R. (2018). Gender differences in Turkish early childhood teachers’ job satisfaction, job burnout and organizational cynicism. *Early Childhood Education Journal*, 46(6), 643–653. <https://doi.org/10.1007/s10643-018-0895-9>
- Santos, J. de S., Lima Júnior, J. de O., Mesquita, R. F. de, & Cruz, V. L. (2020). Women’s self-perception of opportunities and challenges for entrepreneurship. In V. Ratten (Ed.), *Handbook of research on*

- approaches to alternative entrepreneurship opportunities* (pp. 314–330). IGI Global. <https://doi.org/10.4018/978-1-7998-1981-3.ch018>
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill-building approach* (7th ed.). Wiley.
- Semegn, M. T. (2025). Validation of the self-efficacy scale for higher education teachers in Ethiopian context. *Journal of Applied Research in Higher Education*. Advance online publication. <https://doi.org/10.1108/JARHE-11-2024-0644>
- Shamsudin, A., & Abd Majid, R. (2018). Efikasi sendiri guru sekolah dalam hospital di Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(3), 20–28.
- Sidek Mohd Noah, & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Universiti Putra Malaysia.
- Social Research Centre. (2022). *Research areas*. <https://srcentre.com.au/research-areas/>
- Sousa, V. D., & Rojjanasrirat, W. (2011). Translation, adaptation and validation of instruments or scales for use in cross-cultural health care research: A clear and user-friendly guideline. *Journal of Evaluation in Clinical Practice*, 17(2), 268–274. <http://dx.doi.org/10.1111/j.1365-2753.2010.01434.x>
- Tengku Mohd Khairi, T. N. A., Zaini, Z. H., Mohd Ali, M. N. H., & Che Pa, M. I. (2021). Tahap motivasi pelajar lelaki memilih program Pendidikan Awal Kanak-kanak di institusi pengajian tinggi swasta. *Jurnal Kesidang*, 6, 164–172. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/1007/817>
- UNESCO, & United Nations Children's Fund. (2024). *Global report on early childhood care and education: The right to a strong foundation*. <https://doi.org/10.54675/FWQA2113>
- U.S. Bureau of Labor Statistics. (2019). *Preschool teachers: Occupational outlook handbook*. <https://www.bls.gov/ooh/education-training-and-library/preschool-teachers.htm>
- Vatandost, S., Oshvandi, K., Ahmadi, F., & Cheraghi, F. (2020). The challenges of male nurses in the care of female patients in Iran. *International Nursing Review*, 67(2), 199–207. <https://doi.org/10.1111/inr.12582>
- Wohlgemuth, U. G. (2015). Why do men choose to become pedagogues? A profession continuously in pursuit of male colleagues. *European Early Childhood Education Research Journal*, 23(3), 392–404. <https://doi.org/10.1080/1350293X.2015.1043813>
- Yayla, A., Sak, R., Şahin Sak, İ., & Taşkın, N. (2017). Comparing the job satisfaction of hourly paid and salaried preschool teachers in Turkey. *Education 3–13*, 46(8), 951–961. <https://doi.org/10.1080/03004279.2017.1365919>
- Yang, Y., & McNair, D. (2020). Chinese male early childhood education teachers' perceptions of their roles and professional development. *Gender and Education*, 33(4), 1–15. <https://doi.org/10.1080/09540253.2020.1786010>
- Zakaria, Z., & Ismail, A. (2023). Akhlak guru Muslim: Antara realiti dan ideal. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 45(1), 3–18. <https://ejournal.ukm.my/islamiyyat/issue/view/1617>
- Zhang, W. (2017). *Male teachers in early childhood education: Why more men? A review of the literature* [Master's thesis, St. Cloud State University].
- Zhang, J., Backhouse, A., & Zhang, K. (2025). Exploring Chinese male kindergarten teachers' job satisfaction and work commitment. *European Journal of Teaching and Education*, 7(2), 62–86. <https://doi.org/10.33422/ejte.v7i2.1498>
- Zubairi, A. B., Md Sawari, S. S., & Ghazali, M. A. I. (2015). Critical reflections on the experiences of males in early childhood education in Malaysia. *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, 5(1), 115–124.